# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 8 JANUARI 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | AUDIT SEMUA PEMEGANG LESEN BERKAITAN PADI, BERAS, DALAM NEGERI, UM -1 & 2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2.<br>3. | NELAYAN ASING CURI HASIL LAUT PERAK, NEGARA, KOSMO -17<br>JETI NELAYAN JADI STOR PERALATAN CURI KERANG, DALAM NEGERI, UM -35 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 4.<br>5.<br>6. | TANAMAN NANAS 'DIHENYAK' GAJAH LIAR, PENGUSAHA RUGI, DALAM NEGERI, UM -35<br>HARGA SAYUR DI KOTA BHARU ALAMI KENAIKAN AKIBAT BANJIR, LOKAL, HM -11<br>SWEET TREATS, NATION, THE SUN -3 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

# Audit semua pemegang lesen berkaitan padi, beras

Oleh **MOHAMAD AZLAN JAAFAR**
utusannews@mediamulia.com.my

ADALAH melegakan apabila Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menafikan dakwaan kewujudan kartel atau 'mafia' yang menentukan harga padi, beras dan benih padi.

Kenyataan itu susulan pendedahan akhbar ini mengenai kewujudan 'kartel' yang menekan nasib pesawah. Gabungan Pengilang Beras Malaysia membuat dakwaan bahawa ada kartel yang dimonopoli empat hingga lima syarikat besar yang menentukan harga padi, beras dan pembekal benih termasuk yang mengabaikan arahan kerajaan.

**Bersambung di muka 2**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

## Dalam Negeri

Minda Pengarang

MOHAMAD AZLAN JAAFAR



# *Audit semua pemegang lesen berkaitan padi dan beras*

Dari muka 1

Kartel berkenaan didakwa sudah lama menguasai industri padi negara dan berterusan menindas pesawah termasuk mengugut untuk tidak membeli semula benih padi jika tidak menggunakan benih padi dikeluarkan mereka. Kartel itu juga dikatakan memonopoli lebih 60% pengeluaran beras negara.

KPKM dalam kenyataan balas berkata industri padi dan beras negara dikawal selia oleh Kawalselia Padi dan Beras (KPB) melalui Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan kementerian bertanggungjawab mengawal selia industri itu melalui pelesenan dan penguatkuasaan.

Akta ini membenarkan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras mengeluarkan lesen dan permit bagi urus niaga padi dan beras meliputi pengilangan, pemborongan, peruncitan, import atau eksport dan pemindahan antara negeri.

Kementerian itu berkata ketika ini 39,000 pelbagai lesen seperti borong beras, eksport, import, kilang padi, membeli padi, beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi bagi benih padi sah (BPS) dikeluarkan. Pengeluaran itu menunjukkan tiada kartel atau mafia yang mampu memonopoli industri padi dan beras.

Sungguh banyak lesen dikeluarkan untuk negara yang dianggarkan memerlukan 1.8 juta tan beras untuk keperluan rakyat. Ketika ini negara hanya mampu memenuhi kira-kira 68% keperluan itu.

Secara logik pengeluaran permit dan lesen akan mengelakkan monopoli dan kartel. Ia akan menggalakkan persaingan dan memastikan bekalan tidak terjejas. Kehadiran pemilik permit yang ramai membolehkan pesawah mendapatkan hasil lebih baik.

Cuma masalahnya di Malaysia, terlalu banyak masa lesen atau "approved permit" diberikan kepada golongan yang tidak layak. Contohnya kartel yang melakukan tender projek kerajaan.

Satu orang terbabit dalam 30 hingga 50 tender. Semua nama digunakan daripada isteri kepada anak sehingga bapak mertua.

Jadi tidak terkejut jika perkara sama berlaku dalam sektor beras dan padi negara. Jika betul atas nama tata kelola dan ketelusan, kementerian harus melakukan audit tahunan semua 39,000 pemegang lesen dan mengesahkan semua aktiviti yang mereka lakukan.

Adakah mereka ada kilang, gudang, kepakaran atau rangkaian untuk beroperasi sebagai pemilik permit yang sebenar? Atau mereka ini tidak lebih penerima permit kerana "kemesraan" dengan orang politik lampau? Perkara sama berlaku dalam permit jualan minyak masak subsidi yang berhadapan ketirisan.

Pemegang permit berkaitan industri beras juga harus menghantar penyata kewangan untuk menunjukkan jumlah aktiviti yang dilakukan dan ia harus diaudit bagi mengelak mereka mengalibabakan permit yang diberikan kerajaan.

Malaysia memerlukan 1.8 juta tan beras dan bukan 39,000 pelbagai lesen. Lesen tidak menjamin keterjaminan makanan.

**Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn. Bhd.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/1/2024 | KOSMO | NEGARA | 17 |

# Nelayan asing curi hasil laut Perak

**LUMUT** – Sekumpulan 20 nelayan Thailand dan Kemboja dicekup Maritim Malaysia (APMM) ketika sedang rakus mencuri hasil laut negara di kedudukan kira-kira 6.8 kilometer barat laut Pulau Dua di sini Jumaat lalu.

Pengarah Maritim Negeri Perak, Kepten Maritim Mohd. Hambali Ya'akup berkata, nelayan warga asing berusia antara 30 hingga 52 tahun itu diberkas pasukan operasi KM Tugau.

"Pemeriksaan mendapati lesen bot itu telah tamat tempoh selain tiada kelulusan untuk menangkap ikan dan menggunakan peralatan komunikasi serta tidak memiliki dokumen pengenalan diri," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Hambali, kesemua nelayan dan peralatan kini ditahan bagi membantu siasatan mengikut Akta Perikanan 1985, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Imigresen 1959/63.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, APMM Perak turut menahan dua bot nelayan tempatan bersama lima nelayan warga asing berusia antara 28 hingga 47 tahun di kilometer 17.2 barat Bagan Panchor, Pantai Remis sekitar pukul 11.30 pagi kelmarin.

"Mereka melakukan kesalahan yang sama. Tangkapan hasil laut turut dirampas daripada mereka," katanya.

> "Pemeriksaan mendapati lesen bot itu telah tamat tempoh selain tiada kelulusan untuk menangkap ikan dan menggunakan peralatan komunikasi serta tidak memiliki dokumen pengenalan diri."
>
> **KEPTEN MARITIM MOHD. HAMBALI YA'AKUP**



**SEBAHAGIAN nelayan warga asing yang ditahan APMM di Bagan Panchor, Pantai Remis kelmarin.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 35 |

# Tanaman nanas 'dihenyak' gajah liar, pengusaha rugi

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

**JERANTUT:** Dua orang pengusaha tanaman nanas mengalami kerugian hampir RM40,000 berikutan pencerobohan kawanan gajah liar di Tapak Pertanian Gelanggi, Pulau Tawar di sini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pemilik tanaman nanas, Zainul Ismail, 66, berkata, kejadian itu berlaku dua malam berturut-turut apabila kawanan gajah liar antara enam hingga lapan ekor menceroboh kawasan tanaman seluas kira-kira setengah hektar itu antara pukul 12 tengah malam hingga 2 pagi.

"Sebanyak 600 benih pokok nanas yang ditanam pada November tahun lalu termasuk pokok yang sudah matang musnah keseluruhannya dipijak termasuk batas (tanaman) dan pagar kawasan tanaman pokok ini.

"Buat permulaan, kami menanggung kerugian hampir RM5,000 menyediakan benih pokok nanas, membina pagar dan pengurusan kebun termasuk upah buruh," katanya.

Menurut Zainul, jika tanaman tersebut tidak diceroboh gajah liar, lebih 3,000 biji nanas boleh diperoleh membabitkan hasil jualan sebanyak RM40,000.

Beliau berkata, kawanan gajah liar itu sudah lama berkeliaran di pinggir hutan berdekatan Gua Bersejarah Kota Gelanggi, Kampung Bukit Rang dan ladang sawit Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang.



SEBAHAGIAN kawasan tanaman nanas dimusnahkan kawanan gajah liar di Taman Pertanian Gelanggi, Pulau Tawar di Jerantut, Pahang. – UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Jelasnya, kawasan habitat haiwan itu di Hutan Simpan Lepar sudah diteroka dengan aktiviti pembangunan dan pembalakan sejak lebih sedekad lalu menyebabkan haiwan liar itu merayau masuk ke kampung dan kawasan tanaman komersial di tapak pertanian itu.

Rakan kongsinya, Hafizi Ghani, 36, berkata, sekiranya keaduan itu berterusan, sudah tentu pengusaha di situ berdepan kerugian pada masa akan datang dan tidak mampu lagi mengeluarkan perbelanjaan wang sendiri untuk projek tanaman komersial.

"Kita mengambil masa panjang untuk memulihkan semula tapak tanaman nanas ini memandangkan keseluruhan benih pokok musnah," katanya.

Ujarnya, pihak berwajib perlu mengambil tindakan sewajarnya supaya gajah liar tidak lagi menceroboh bagi membolehkan pengusaha di situ dapat menikmati hasil dan pulangan modal akan datang.

> **"Sebanyak 600 benih pokok nanas yang ditanam pada November tahun lalu termasuk pokok yang sudah matang musnah keseluruhannya..."**

# Jeti nelayan jadi stor peralatan curi kerang

**SABAK BERNAM:** Sebuah jeti perkampungan nelayan di Sungai Besar di sini, digempur selepas dikesan menjadi stor simpanan pelbagai peralatan dipercayai bagi kegiatan mencuri kerang pada Jumaat lalu.

Op Hurricane Bersepadu membawa kepada rampasan pelbagai peralatan termasuk kor bergalah dan tangguk tangan bernilai RM39,000.

Pengarah Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, operasi khas itu dilakukan hasil risikan pihaknya mengenai kegiatan pendaratan benih kerang curi di jeti nelayan dan rampasan melibatkan tujuh kor bergalah, 63 tangguk tangan halus dan 35 tangguk besi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/1/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 11 |

# Harga sayur di Kota Bharu alami kenaikan akibat banjir

**Kota Bharu:** Harga sayur-sayuran di bandar ini didapati berlaku kenaikan berikutan kekurangan bekalan kesan akibat banjir sehingga terpaksa mendapatkan bekalan di negara jiran.

Tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, di sini, mendapati harga beberapa sayur-sayuran naik antaranya terung dari RM8 kepada RM10 sekilogram, tomato dari RM5 kepada RM8 sekilogram dan cili padi merah dari RM17 kepada RM20 sekilogram.



TINJAUAN di RTC Tunjong mendapati beberapa jenis sayur-sayuran mengalami kenaikan harga.

Peniaga, Ariffin Ahmad, 40, berkata harga sayur-sayuran naik sejak lebih sebulan lalu iaitu ketika banjir hingga sekarang.

Menurutnya, kenaikan harga berikutan bekalan sayur tempatan tidak mencukupi kerana rosak akibat banjir sehingga menyebabkan pemborong mengambil bekalan dari negara jiran.

"Disebabkan bekalan di sana (Thailand) dibeli dengan harga tinggi menyebabkan pemborong menjual kepada peniaga dengan harga yang tinggi.

"Pada masa sama, nilai matawang negara jiran juga tinggi berbanding negara kita. Jadi faktor ini menyebabkan harga sayur mahal," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bapa kepada empat anak itu berharap kerajaan membuat pemantauan kerana kenaikan harga sayur-sayuran dijangka kekal untuk tempoh beberapa bulan.

Katanya, keadaan itu membebankan rakyat kerana perlu mengeluarkan belanja tinggi untuk membeli sayur dan barangan keperluan harian yang lain.

Peniaga, Norasliha Mat, 45, berkata harga sayur-sayuran naik, namun peniaga tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya berikutan tidak mahu pembeli rasa terbeban.

Katanya, harga sayur yang dibeli daripada pemborong meningkat menyebabkan peniaga menaikkan sedikit harga, namun tidak mengambil untung yang banyak.

"Untuk sekilogram, kami hanya ambil untung antara RM1 hingga RM2 sahaja untuk menampung pelbagai kos termasuk kerosakan dan sayur tidak habis," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/1/2024 | THE SUN | NATION | 3 |



**SWEET TREATS** ... A trader displaying local fruits at an Agro Madani Mega sale yesterday at the parking lot of a shopping centre in Ampang, Kuala Lumpur. – ***AMIRUL SYAFIQ /THESUN***